

AKADEMIA

KAWAL GERAK MURID

Elemen reka bentuk main peranan bantu pengawalan penjarakan fizikal luar bilik darjah

FOKUS

Oleh Suliaty Asri
suliaty@hmetro.com.my

Sekolah kembali di buka! Garis panduan pengurusan sekolah dengan mengambil kira langkah bagi mengawal penularan pandemik Covid-19 juga disediakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Penjagaan kesihatan dan amalan penjarakan fizikal amat penting dalam pengurusan sekolah bagi mengelakkan penularan dalam kalangan murid, guru dan warga sekolah.

Selain langkah penjarakan fizikal dan penjagaan kesihatan dalam ruang pembelajaran, bagaimana pula penjarakan fizikal di persekitaran luar bilik darjah?

Sedar atau tidak, persekitaran luar sebenarnya boleh dimanfaatkan sebagai ruang pembelajaran terutama untuk peringkat sekolah rendah dan kelas pendidikan khas.

Menurut Pensyarah Jabatan Senibina Lanskap Fakulti Rekabentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Shureen Faris Abd Shukor, salah satu cabaran selepas pandemik Covid-19 adalah untuk mengaplikasikan reka bentuk dalam membina persekitaran luaran serta fasiliti yang mampu menghasilkan perlakuan positif dalam kalangan pelajar.



APLIKASI TANDA RUANG

Penggunaan bentuk serta warna di kawasan aktif antara langkah kawal penjarakan fizikal

DARI MUKA 27

"Rangsangan deria melalui warna yang terang dan persekitaran hijau mampu menimbulkan kecerian di sekolah di samping merangsangkan pemikiran pelajar.

"Elemen reka bentuk boleh memainkan peranan dalam membantu pengawalan penjarakan fizikal di persekitaran luar bilik darjah seperti di kantin, kawasan permainan dan taman sekolah," katanya.


Warna dan bentuk

Kata Dr Shureen, antara langkah pengawalan tambahan untuk penjarakan fizikal yang boleh dipertimbangkan bagi kawasan aktif seperti kantin adalah dengan menggunakan elemen reka bentuk.

"Penggunaan bentuk seperti bulatan dan bentuk lain boleh diadakan di permukaan lantai untuk menandakan jarak yang diperlukan apabila beratur untuk membeli makanan.

"Aplikasi warna yang terang pada bentuk yang ditandakan akan menambah kekerkesan dalam menarik perhatian pelajar mengenai peraturan disediakan ketika urusan di kantin," katanya.

Penyediaan fasiliti seperti tempat membasuh



PENGGUNAAN bentuk serta warna untuk menandakan jarak ketika aktiviti di kantin.

tangan dan sanitasi juga perlu diletakkan sebelum memasuki persekitaran yang aktif seperti kantin, taman sekolah dan kawasan permainan.

"Reka bentuk kreatif alatan membersih tangan boleh mendorong pelajar menggunakan fasiliti ini dengan lebih kerap. Penggunaan bentuk dan warna juga boleh ditandakan di lantai untuk setiap ruang fasiliti sebagai indikasi penjarakan fizikal dalam kalangan pelajar.

"Ada sesetengah sekolah yang mempunyai kemudahan kawasan permainan. Jadi, indikasi ruang dan keperluan memastikan penjarakan sosial dengan menggunakan

bentuk pada lantai yang berbagai saiz serta warna untuk menandakan kedudukan fasiliti.

pelajar pada sesuatu masa boleh juga ditanda dengan menggunakan bentuk yang dicat pada permukaan kawasan permainan.

"Guru atau pembantu pengajar lebih mudah memantau jumlah murid dalam ruang yang ditandakan bagi memenuhi keperluan garis panduan penjarakan fizikal yang sesuai," tambahnya.

Penggunaan landskap

Menurut Dr Shureen, selain penggunaan warna dan bentuk, landskap juga boleh memainkan peranan dalam membantu memastikan penjarakan sosial dengan menggunakan

HADKAN masa dan bilangan pelajar dalam kawasan bulatan permainan yang ditetapkan.


PENGGUNAAN pokok renek sebagai pembahagian kerusi untuk mengawal jarak.

"Selain itu, tanaman seperti tumbuhan renek atau pokok bersaiz kecil boleh diaplikasikan dalam fasiliti taman di sekolah yang berfungsi sebagai pembahagian kepada kerusi rehat untuk tujuan penjarakan sosial," katanya yang turut mempunyai kepakaran dalam bidang reka bentuk kawasan luaran hijau berciri restoratif, reka bentuk landskap golongan khas dan landskap institusi kesihatan.

"Aplikasi reka bentuk bukan sahaja mampu meningkatkan nilai estetik sekolah, malah berfungsi sebagai elemen membantu pengawalan jangkitan dalam kalangan pelajar," katanya.

INFO

- Tahun 5 dan 6, tingkatan 1 hingga 4 serta kelas peralihan bermula pada 15 Julai ini.
- Tahun 1 sehingga tahun 4 pula mula bersekolah pada 22 Julai.



DR Shureen

kawasan luaran hijau dimanfaatkan sebagai sebahagian dari kawasan pembelajaran.

"Tanaman sebenarnya boleh digunakan sebagai pembahagian ruang di taman sekolah untuk tujuan mengawal pergerakan pelajar.

FOTO AMIRUDIN SAHIB

Mahu anak patuh SOP sekolah



MEMBASUH tangan sebelum masuk tadika diwajibkan kepada murid Tadika Al-Rafaie Integrated.

dengan sabun.

"Tetapi, yang merisaukan adalah murid lain terutama mereka yang ada tanda jangkitan seperti selesema dan mendekati anak.

mendekati anak.

"Kerana itu saya mengajar anak untuk mengelak dari mendekati atau didekati rakan yang bergejala dan sentiasa

membasuh tangan serta menjaga penjarakan sosial.

"Saya juga yakin dan percaya kepada sekolah yang mana mereka sentiasa memantau murid untuk



GURU membuat persiapan SOP pembukaan sekolah (gambar hiasan).

terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya yang juga fisioterapi di Hospital Sungai Buloh.

Bagi Faizah Samsudin, 40, pembukaan sekolah cukup melegakan kerana anak boleh kembali belajar, tetapi tetap punya kerisanan.

"Dua minggu sebelum pembukaan tadika, pihak

sekolah berkongsi mengenai susun atur pembelajaran selain langkah pembersihan yang diambil.

"Selain itu, surat pengesahan kesihatan yang perlu dikemas kini setiap minggu juga menunjukkan ketegasan pihak tadika dalam menjaga kesihatan anak-anak lain di tadika," katanya.